

Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara disambung

● Kerajaan akan umum bantuan bagi 12 juta individu, isi rumah, PKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19

● Bantuan dijangka diumumkan hari ini atau esok itu adalah menyeluruh dan turut meliputi kumpulan B40, M40, T20

Petaling Jaya: Fasa Pertama kawalan pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dijadual berakhir hari ini akan dilanjutkan, mungkin sehingga pertengahan bulan depan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, Fasa Pertama itu dilanjutkan kerana jumlah kes COVID-19 di negara ini

belum mencapai nilai ambang di bawah 4,000 kes seperti yang ditetapkan dalam PPN, sebelum dapat beralih ke fasa seterusnya.

"Sekarang mereka kata Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dah nak tamat. Saya kata, mulai sekarang kita tak sebut PKP, tapi kita sebut kita berada dalam fasa, sekarang ini Fasa Pertama (PPN) sampai Julai mungkin pertengahan bulan.

"Bukan kata 28 Jun tamat PKP, itu silap... kita masih di Fasa Pertama PPN dan akan lanjutkan sehingga pecah nilai ambang bawah 4,000 kes dengan kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tidak lagi berada pada paras tenat dan vaksinasi ditingkatkan," katanya.

Beliau ditemui Bernama selepas meninjau Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di sini, semalam.

Kes bawah 4,000 sehari untuk ke fasa kedua

Dari Muka 1

Muhyiddin berkata, Fasa Pertama Kawalan Pergerakan itu menguji ketahanan negara supaya dapat melalui proses bagi semua fasa yang ada dalam PPN dengan baik.

Pada 15 Jun lalu, Muhyiddin mengumumkan PPN yang merangkumi empat fasa yang akan beralih secara berperingkat sehingga Disember dengan sasaran rakyat dapat kembali kepada kehidupan harian biasa menjelang akhir tahun ini.

Bagi membolehkan peralihan daripada Fasa Pertama ke Fasa Kedua PPN, purata kes harian COVID-19 perlu berada di bawah 4,000 kes; sistem kesihatan awam tidak lagi berada pada peringkat kritikal termasuk kadar penggunaan katil di ICU pulih ke paras sederhana dan 10 peratus populasi telah menerima dua dos suntikan vaksin.

Untuk beralih ke fasa ketiga (September), purata kes harian COVID-19 ditetapkan di bawah 2,000, katil di ICU paras mencukupi dan 40 peratus populasi divaksin.

Bagi bergerak ke Fasa Keempat yang dijangka pada awal November, kes harian ditetapkan di bawah 500, penggunaan katil ICU paras mencukupi dan jumlah populasi disuntik mencecah 60 peratus populasi negara.

Mengenai penularan jangkitan COVID-19 di Selangor, Muhyiddin berkata, kerajaan memberi lebih perhatian kepada negeri itu disebabkan jumlah kes harian yang mencecah 2,000 kes.

Katanya, kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di negeri itu akan dilaksanakan dengan lebih ketat.

"Kenapa begitu? Kerana kes banyak di Selangor sama ada di

tempat kerja, kediaman atau komuniti. Kalau nak turunkan kadar kes ini harus beri perhatian di kawasan sebegini (PKPD).

"Mungkin langkah susulan lain kita akan buat supaya kes di seluruh negara terus turun, tapi apapun yang penting adalah kerjasama semua, orang ramai perlu patuh kepada prosedur operasi standard," katanya.

Pada 19 Jun lalu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, dilaporkan berkata, kadar penggunaan katil ICU bagi perkhidmatan kesihatan awam merekodkan penyusutan kepada 97 peratus, setakat 16 Jun lalu, berbanding 108 peratus sebelum 1 Jun lalu.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, pada 21 Jun lalu dilaporkan berkata, Malaysia dijangka mencapai liputan vaksin lengkap 10 peratus daripada keseluruhan populasi

pertengahan bulan depan.

Mengikuti perangkaan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) setakat kelmarin, 2.02 juta atau 6.2 peratus daripada keseluruhan populasi di Malaysia sudah menerima dos kedua vaksin.

Sementara itu, pakar epidemiologi mengunjurkan Malaysia berupaya beralih ke Fasa Kedua PPN, seawal pertengahan Julai.

Prof Madya Dr Malina Osman dari Universiti Putra Malaysia (UPM), menaruh keyakinan kadar purata jangkitan untuk tempoh tujuh hari dijangka turun sehingga ke paras 4,000 kes menjelang minggu kedua Julai.

Katanya, unjuran itu bagaimanapun bersandarkan prestasi liputan vaksin dan bekalan suntikan pelalian yang diagihkan ke seluruh negara, sekali gus mampu mengekang pertambahan angka kematian serta bebanan pe-

sakit di ICU.

"Apabila lebih ramai orang dapat vaksin, kadar kematian akan turun, seiring jumlah pesakit yang dimasukkan di ICU, justeru kita bakal capai dua daripada tiga petunjuk digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara.

"Bagaimanapun, sukar untuk kita sandarkan peralihan ke fasa kedua mengikut kadar kes purata kerana walaupun sudah menerima vaksin, seseorang masih boleh disahkan positif COVID-19.

"Jika disahkan positif, ia menyumbang kepada angka kes harian dan bakal merencatkan usaha untuk bergerak ke fasa seterusnya.

"Seperka lagi, lebih wajar jika peralihan ke fasa seterusnya dibuat mengikut negeri, berbanding seluruh negara kerana kita khuatir sekatan bagi tempoh lama bakal menjejaskan pemulihan ekonomi," katanya kepada BH.